

## **KERAJAAN NEGERI KELANTAN**

### **PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN , KELANTAN BIL. 1 TAHUN 1986**

#### **DASAR PEMBERIANMILIK TANAH KEPADA LEMBAGA KEMAJUAN KELANTAN SELATAN ( KESEDAR )**

Pekeling ini dikeluarkan untuk memaklumkan kepada semua Pentadbir Tanah Jajahan mengenai dasar dan syarat pemberianmilik tanah kepada Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan ( KESEDAR ).

2. MMK yang bersidang pada 6.2.1986 telah menimbang Kertas Bil. 3/153/86(48) dan memutuskan bahawa pemberianmilik tanah kepada Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan ( KESEDAR ) patutlah diberi pertimbangan di atas dasar yang sama dengan agensi Kerajaan seperti PKINK dan YAKIN. KESEDAR adalah agensi Kerajaan Pusat yang berfungsi secara langsung untuk kepentingan negeri dalam aspek penyaluran peruntukan wang Kerajaan Pusat kepada Kerajaan Negeri, pembukaan rancangan-rancangan tanah dan pembangunan pusat-pusat pertumbuhan baru mengikut dasar-dasar, kehendak dan aspirasi negeri. Kesedar juga telah mengambil alih peranan dan tugas TAKDIR (sebuah agensi negeri yang dimansuh ), dalam kerja-kerja pemulihan tanah-tanah rancangan dan penubuhan pusat-pusat pertumbuhan atau perkampungan. Memandang kepada peranan yang dimainkan oleh KESEDAR dalam segi pembangunan tanah, pemulihan tanah dan penubuhan kawasan pertumbuhan atau perkampungan adalah difikir sesuai dasar pemberimilik tanah kepada agensi ini disamakan dengan agensi-agensi Kerajaan Negeri seperti YAKIN dan PKINK bagaimana di **Lampiran ‘A’**.

3. Semua Pentadbir Tanah Jajahan adalah diminta mengambil perhatian kepada Pekeliling ini yang berkuatkuasa mulai tarikh pengeluaran surat ini.

**t.t**

**( Hj. Ismail Hassan )**  
PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
KELANTAN,

PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN,  
KELANTAN

**KOTA BHARU.**

**BERTARIKH :**    **18HB MARCH 1986.**

**KEPADA:**

Semua Pentadbir Tanah Dan Jajahan, Kelantan.

**SALINAN KEPADA:-**

YAB. Dato'Menteri Besar, Kelantan.

YB. Dato' Setiausaha Kerajaan, Kelantan.

YB.Tuan Penasihat Undang-Undang, Negeri Kelantan.

YB.Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan.

YABrs. Pengarah Ukur Kelantan.

YABrs. Pengurus Besar KESEDAR.

YABrs. Pengarah Penyelesaian Tanah Kelantan.

[ P.T.G.KN. 3873/(107) ]

**KERAJAAN NEGERI KELANTAN**

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN, KELANTAN  
BIL. 1 TAHUN 1986**

**DASAR PEMBERIAN MILIK TANAH KEPADA  
LEMBAGA KEMAJUAN KELANTAN SELATAN (KESEDAR)**

**1. Bagi Tanah Desa**

- (i) Kategori Bangunan (sama ada Kediaman atau Perniagaan)
- (a) Jenis Hakmilik - Hakmilik Kekal (Geran Mukim).
- (b) Harga Tanah - Mengikut kadar terjadual dalam Peraturan Tanah Kelantan 1966 jika tanah yang hendak diberimilik itu asalnya tanah Kerajaan. Jika tanah ini hasil daripada proses pengambilan yang mana pampasannya telah dibayar oleh agensi yang berkenaan maka harga tanah adalah nominal sahaja iaitu \$10.00.
- (c) Hasil Tahunan - Mengikut kadar yang terjadual dalam Peraturan Tanah Kelantan 1966.
- (d) Sekatan Kepentingan -
- (a) Tanah yang terkandung dalam suratan hakmilik ini tidak boleh digadai, dipindahmilik, diberi pajak atau dibuat sebarang urusniaga melainkan dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri.

		(b) Sekatan	(a) adalah dikecualikan sekiranya tanah itu hendak dipindahmilik kepada pembeli pertama yang terdiri daripada orang-orang Melayu Anak Kelantan atau dan pembeli pertama menggadai tanah tersebut kepada Institut Kewangan disenaraikan dalam Jadual D Enakmen Rizab Melayu 1930 dan Jadual 26A Enakmen Tanah Kelantan 1938.
(e)	Syarat Nyata	-	<p><u>(a) Bagi Bangunan Kediaman</u></p> <p>Tanah yang terkandung dalam hakmilik ini hendaklah digunakan untuk mendirikan sebuah bangunan kediaman mengikut pelan dan jenis yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri.</p>
		-	<p><u>(b) Bagi Bangunan Perniagaan</u></p> <p>Tanah yang terkandung dalam hakmilik ini hendaklah digunakan untuk mendirikan sebuah bangunan jenis perniagaan mengikut pelan yang diluluskan diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan.</p>
(f)	Upah Ukur	-	Mengikut Perintah Bayaran Ukur L.N.486/65 dan P.U.(A) 438/75.
(g)	Lain-Lain Bayaran Pejabat	-	Mengikut kadar yang terjadual dalam Peraturan Tanah Kelantan 1966.

(ii) Kategori Pertanian

- |                         |   |  |
|-------------------------|---|--|
| (a) Jenis Hakmilik      | - | Hakmilik Kekal (Geran Mukim)   |
| (b) Harga Tanah         | - | Mengikut kadar terjadual dalam Peraturan Tanah Kelantan 1966 jika tanah yang hendak diberimilik itu asalnya tanah Kerajaan. Jika tanah ini hasil daripada proses pengambilan yang mana pampasannya telah dibayar oleh agensi yang berkenaan maka harga tanah adalah nominal sahaja iaitu \$10.00.  |
| (c) Hasil Tahunan       | - | Mengikut kadar yang terjadual dalam Peraturan Tanah Kelantan 1966.   |
| (d) Sekatan Kepentingan | - | <p>(a) Tanah yang terkandung dalam suratan hakmilik ini tidak boleh digadai, dipindahmilik, diberi pajak atau dibuat sebarang urusniaga melainkan dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri.</p> <p>(b) Sekatan (a) adalah dikecualikan sekiranya tanah itu hendak dipindahmilik kepada pembeli pertama yang terdiri daripada orang-orang Melayu Anak Kelantan atau dan pembeli pertama menggadai tanah tersebut kepada Institut Kewangan disenaraikan dalam Jadual D Enakmen Rizab Melayu 1930 dan Jadual 26A Enakmen Tanah Kelantan 1938.</p> |

(e) Syarat Nyata	-	(a) Mengikut kegunaan sebenar iaitu jenis tanaman yang dikehendaki oleh agensi.
(f) Upah Ukur	-	(b) Tanah ini akan dimaju dan diurus oleh agensi pembangunan tanah (KESEDAR).
(g) Lain-lain Bayaran Pejabat	-	Mengikut Perintah Bayaran Ukur L.N. 486/65 & P.U.(A) 438/75.
		Mengikut kadar yang terjadual dalam Peraturan Tanah Kelantan 1966.

## **2. Bagi Tanah Bandar dan Pekan**

(i) Kategori Bangunan <u>(Sama ada Kediaman atau Perniagaan)</u>	-	Pajakan 99 tahun jika tanah yang akan diberimilik itu asalnya tanah Kerajaan.  Hakmilik Kekal (geran) jika tanah yang hendak diberimilik itu hasil daripada proses pengambilan yang mana pampasannya telah dibayar oleh agensi berkenaan.
(a) Jenis Hakmilik	-	
(b) Harga Tanah	-	Mengikut kadar terjadual dalam Peraturan Tanah Kelantan 1966 jika tanah yang hendak diberimilik itu asalnya tanah Kerajaan. Jika tanah ini hasil daripada proses pengambilan yang mana pampasannya telah dibayar oleh agensi yang berkenaan maka harga tanah adalah nominal sahaja iaitu \$10.00.

- (c) Hasil Tahunan - Mengikut kadar yang terjadual dalam Peraturan Tanah Kelantan 1966.
- (d) Sekatan Kepentingan -
- (a) Tanah yang terkandung dalam suratan hakmilik ini tidak boleh digadai, dipindahmilik, diberi pajak atau dibuat sebarang urusniaga melainkan dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri.
  - (b) Sekatan (a) adalah dikecualikan sekiranya tanah itu hendak dipindahmilik kepada pembeli pertama yang terdiri daripada orang-orang Melayu Anak Kelantan atau dan pembeli pertama menggadai tanah tersebut kepada Institusi Kewangan disenaraikan dalam Jadual D Enakmen Rizab Melayu 1930 dan Jadual 26A Enakmen Tanah Kelantan 1938.
- (e) Syarat Nyata -
- (a) Bagi Bangunan Kediaman  
Tanah yang terkandung dalam hakmilik ini hendaklah digunakan untuk mendirikan sebuah bangunan kediaman mengikut pelan dan jenis yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan.
  - (b) Bagi Bangunan Perniagaan  
Tanah yang terkandung dalam hakmilik ini hendaklah digunakan untuk mendirikan sebuah bangunan jenis perniagaan mengikut pelan yang

diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan.

- |                               |   |  |
|-------------------------------|---|--|
| (f) Upah Ukur                 | - | Mengikut Bayaran Ukur L.L. 486/65 dan P.U. (A) 438/75.             |
| (g) Lain-lain Bayaran Pejabat | - | Mengikut kadar yang terjadual dalam Peraturan Tanah Kelantan 1966. |
- ii) Kategori Perusahaan (Sama ada Tanah Bandar Pekan atau Desa)
- |                         |   |  |
|-------------------------|---|--|
| (a) Jenis Hakmilik      | - | Pajakan Negeri/Mukim 66 tahun atau kurang  |
| (b) Harga Tanah         | - | Mengikut kadar terjadual dalam Peraturan Tanah Kelantan 1966 jika tanah yang hendak diberimilik itu asalnya tanah Kerajaan. Jika tanah itu hasil daripada proses pengambilan tanah yang mana pampasannya telah dibayar oleh agensi yang berkenaan maka harga tanah adalah nominal sahaja iaitu \$10.00 |
| (c) Hasil Tahunan       | - | Mengikut kadar yang terjadual dalam Peraturan Tanah Kelantan 1966.   |
| (d) Sekatan Kepentingan | - | (a) Tanah yang terkandung dalam suratan hakmilik ini tidak boleh digadai, dipindahmilik, diberi pajak atau dibuat sebarang urusniaga melainkan dengan kelulusan dengan Pihak Berkuasa Negeri.<br><br>(b) Sekatan (a) adalah dikecualikan sekiranya tanah itu hendak dipindahmilik kepada               |

pembeli pertam ayang terdiri daripada orang-orang Melayu Anak Kelantan atau dan pembeli pertama menggadai tanah tersebut kepada Institusi Kewangan disenaraikan dalam Jadual D Enakmen Rizab Melayu 1930 dan Jadual 26A Enakmen Tanah Kelantan 1938.

- (e) Syarat Nyata -
- (i) Tanah yang dipegang dengan hakmilik ini hendaklah digunakan terus menerus dan sepenuhnya untuk perusahaan kilang yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri.
  - (ii) Pemegang hakmilik ini hendaklah dalam masa satu tahun daripada tarikh pendaftaran pajakan ini atau dalam tempoh yang dilanjutkan oleh Kerajaan, membina di atas tanah yang diberimilik ini sebuah bangunan kilang atau kilang-kilang, mengikut pelan yang dilulus oleh Pihak Berkuasa yang berkenaan dan selepas itu hendaklah memelihara (maintain) kilang atau kilang-kilang yang dibina itu dengan memuaskan Pihak Berkuasa Negeri.
  - (iii) Pemegang hakmilik ini hendaklah membayar dan menjelaskan semua cukai-cukai, penilaian dan lain-lain tanggungan yang dikenakan di atas hakmiik ini sama ada oleh Pihak Berkuasa Negeri atau Pihak Berkuasa Tempatan.

- (iv) Pemegang hakmilik ini adalah bertanggungjawab mengawal dan mengawasi segala kekotoran disebabkan oleh perusahaanya di dalam hakmilik ini dengan cara-cara yang memuaskan Pihak Berkuasa Negeri.
- (f) Upah Ukur - Mengikut Perintah Bayaran Ukur L.N. 486/65 dan P.U.(A) 438/75.
- (g) Lain-lain Bayaran Pejabat - Mengikut kadar yang terjadual dalam Peraturan Tanah Kelantan 1966.